# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 24 BILANGAN 36 | RABU 5HB SEPTEMBER, 1979. | رابو 12 شوال 1399 | PERCHUMA


## LEBEH LAPAN RIBU ZIARAH KA-ISTANA

SA-SUNGGOH-NYA Hari Raya Aidil Fitri ada-lah merupakan saat yang lebeh banyak memutek dan membuahkan berbagai kenangan manis dan indah. Sa-bahagian dari kenangan manis dan indah itu pula melekat dalam ingatan yang sukar untok di-lenyapkan. Ingatan2 manis dan indah itu sudah tentu-lah lebeh banyak terukir dalam ingatan golongan muda-belia yang sedang menjalani hidup remaja.

Akan tetapi dalam semua ingatan itu, antara yang membanggakan dan menjadi ristaan utama ia-lah kesempatan pada ketika berziarah dan bersalaman dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan — yang di-kasehi raayat jelata — dan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan — yang di-sayangi lagi di-galati raayat jelata — serta lain2 Kerabat Diraja yang sangat2 di-hormati.

Kerana kasehkan raja dan menjunjong penoh kedaulatan Baginda yang adil lagi bijaksana, maka raayat jelata sa-berapa daya yang dapat, berusaha untok menjamah tangan dan jari-jemari Baginda sa-kadar bersalaman dan bertukar-tukar senyum gembira sa-bagai tanda rasa bershukor atas kesejahteraan yang di-nekmati sa-lama ini.

Raayat jelata dari semua golongan dan keturunan serta dari semua bangsa tetapi hidup di-bawah sinaran ubor Ugama Islam yang maha suchi merafakkan sembah uchap Selamat Hari Raya Aidil Fitri dan bersalaman dengan Baginda dan Kerabat Diraja sa-baik2 saja Baginda dan Kerabat Diraja berangkat meninggalkan Masjid Omar Ali Saifuddin sa-lepas menunaikan sembahyang Hari Raya.

Baginda dan Kerabat2 Diraja di-kerumuni oleh para jemaah dan Baginda dan Kerabat2 Diraja dengan senyum riang dan sama2 membayangkan kegembiraan di-hari yang mulia itu membalas menghulorkan tangan bersalam-salaman sa-bagai tanda menzahirkan betapa kaseh dan sayang Baginda terhadap raayat dan di-hati kechil Baginda sudah tentu membisikkan do'a harapan semoga Allah akan terus melimpahkan rahmat nekmat-Nya ka-atas raayat jelata yang Baginda kasehi dan tetap hidup dalam kesejahteraan.

Untok menguatkan lagi rasa kaseh dan menambah-rapatkan lagi hubongan erat antara Baginda dan Kerabat2 Diraja dengan raayat jelata dari semua lapisan, Istana Darul Hana di-buka sa-lama tiga hari untok memberi peluang kapada raayat jelata berziarah dan menyembahkan uchap Selamat Hari Raya kapada Baginda khusus-nya dan Kerabat2 Diraja.

Di-sa-panjang di-buka untok kunjongan orang ramai yang di-mulai pada Hari Raya kedua itu, Istana Darul Hana di-banjiri oleh ribuan pendudok dan raayat dari seluroh pelusok tanah ayer dalam semua peringkat umor hingga membawa kapada kanak2 damit.

Huloran tangan raayat jelata di-sambut oleh Baginda dengan keriangan di-iringi dengan nada lembut titah terima kaseh dan kegembiraan dan demikian juga keadaan-nya dengan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang di-sayangi raayat jelata serta lain2 Kerabat Diraja yang di-hormati raayat.

Menurut chatetan, maka pada tahun ini sa-ramai 8,436 orang telah berkunjong ka-Istana sa-lama tiga hari ia-nya di-buka untok raayat dan pendudok dari pelusok tanah ayer berziarah sempena Hari Raya Aidil Fitri.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan adinda2 Baginda (gambar atas sa-kali) ketika di-ziarahi oleh umat Islam sa-baik2 saja Baginda dan adinda2 Baginda keluar dari pintu masjid sa-telah sempurna menunaikan sembahyang raya. Gambar atas pula menunjokkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan serta lain2 Kerabat Diraja ketika di-ziarahi oleh raayat Baginda di-Istana Darul Hana di-hari raya yang baru lalu. — Gambar ehsan dari RTB.

### Manis-nya Iman

*"ORANG yang paling baik ia-lah orang yang panjang umor-nya berserta baik amalan-nya".*

—HADITH Nabi riwayat Tarmizi daripada Abdullah Al-Aslami.

## Guru ugama utk penuntut2 di-UK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Awang Haji Zainal bin Abdul Kahar sa-orang Guru Ugama Terlateh di-Jabatan Hal Ehwal Ugama telah di-lantek untok bertugas di-Pejabat Agensi Kerajaan Brunei di-London bagi membimbing penuntut2 pemegang dermasiswa kerajaan yang berugama Islam di-sana.

Awang Haji Zainal yang akan di-sertai oleh keluarga-nya akan bertolak meninggalkan negeri ini pada hari Khamis, 6hb. September (esok).

## Negara perlukan golongan terpelajar yang jujor dan taat setia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negeri Brunei bukan sahaja memerlukan anak negeri yang terpelajar tetapi yang mustahak mereka itu juga perlu mempunyai sifat jujor serta taat setia kapada kerajaan dan patoh mempertahankan adat resam kebruneian.

Bertitah demikian di-majlis persantapan sempena memperingati Hari Keputeraan Baginda yang ke-33 tahun yang di-anjorkan oleh penuntut2 Brunei di-United Kingdom, Kebawah Duli Yang Maha Mulia membayangkan betapa penuntut2 berkenaan merasa terdedah kapada berjenis-jenis pengaroh sa-panjang menuntut di-luar negeri itu.

Dalam hubongan itu Baginda Yang Dipertuan mengingatkan lagi supaya mereka sentiasa berwaspada dari di-pengarohi oleh unsor2 yang terkeluar dari batasan chara hidup kebruneian yang penoh sopan-santun, tata-tertib dan tingkah-laku yang sempurna.

"Ada di-antara pengaroh2 itu mempunyai unsor2 yang baik terutama di-segi bidang pelajaran kemajuan sains

Lihat muka 16

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

5HB SEPTEMBER, 1979

بسم الله الرحمن الرحيم

# PUREH BRUNEI DI-TENGAH2 PENGAROH ASING

KURSUS Sivik penuntut2 seberang laut kali ke-empat yang sedang berlangsong di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan dan akan berakhir pada pagi Jumaat ini membawakan thema yang tidak banyak beza-nya dengan thema yang sudah2, chuma kali ini ia-nya lebeh menampakkan unsor2 penegasan tentang apa yang mesti di-mileki dalam sa-tiap diri penuntut2 itu yang sudah biasa di-sifatkan sa-bagai bakal pemimpin hari esok itu. Maka thema kursus kali ini berbunyi : penuntut yang berilmu dan beriman, pemimpin hari esok.

Berhubong dengan apa yang di-harapkan melalui thema itu, Ketua Pegawai Penerangan dalam uchapan alu2an-nya membuat huraian2 yang jelas dalam membantu pelajar2 bukan saja menyaloki thema itu bahkan tentang bentok kursus kali ini pada menchapai maksud memberikan fahaman yang betul dan meninggikan kesedaran mengenai hal-ehwal semasa sekitar negara dan kerajaan.

Ketua Pegawai Penerangan itu antara lain menimbulkan keranchakan landasan pengaroh2 asing yang menyusuri pelusok dunia dan kita sendiri ada-lah terdedah kapada-nya. Sebab itu kita perlu mengujudkan binting pertahanan agar pengaroh2 yang sama sekali bertentangan dengan keperluan2 bangsa, kebudayaan dan ugama tidak akan menodai dan saterus-nya merosakkan diri kita. Dalam hubongan ini, penentuan sikap dalam diri sa-seorang itu patut benar di-ambil perhatian yang berat. Maka bagi maksud memungkinkan sa-seorang itu dapat mengukohkan sikap-nya pada memileh dan menentukan itu-lah, kerajaan telah sedaya upaya mengikhtiarkan langkah2 yang di-kira sesuai dan munasabah bagi menarek pelajar2, khusus-nya yang belajar di-luar negeri. menyedari keperluan mempunyai sikap yang kukoh dalam memileh dan menentukan pengaroh2 asing yang patut di-terima atau di-tolak-nya. Antara ikhtiar kerajaan itu termasok-lah kursus sivik yang serupa itu yang di-harapkan serba sedikit memberikan kesan dalam membantu mereka mengukohkan sikap selaku orang Brunei, anak pureh Brunei di-tengah2 berbagai pengaroh asing semasa berada di-luar negeri.

Dalam hubongan menentukan sikap yang demikian itu ia-nya bukan saja perlu bagi penuntut2, malah bekas penuntut yang hari ini sa-bilangan besar-nya sudah punya tanggong-jawab masing2, khas-nya tanggong-jawab terhadap bangsa dan negara.

Untok ini kita perchaya semua orang mengharapkan saperti yang di-katakan oleh Ketua Pegawai Penerangan itu bahawa mereka itu di-harapkan kalau terbang tinggi sekali pun, tidak mudah goyah, apa lagi untok hanyut melayang di-awan biru atau melata di-muka bumi pun, tidak tinggal saperti daun2 kering dan ranting2 patah. Tetapi tinggi di-awan atau melata di-bumi, mereka tetap berupaya menguasai suasana dan keadaan. Semua itu, pokok pangkal-nya sikap dan ilmu selaku tenaga penggaya. Tetapi sikap dan tenaga penggaya sahaja maseh belum boleh di-harap menjadi pengukoh — sebab itu-lah mesti di-sertai dengan iman. Tegas-nya, bersikap dan bergaya yang di-harapkan ia-lah bukan sikap dan gaya salarah2-nya — yang kosong dari inti yang tertentu ia-itu iman. Orang berilmu setakat bermoral dan berakhlak atau berdisiplin sahaja tanpa iman maseh mudah terdedah untok membuyok atau menjadi crook.

Sa-jauh ini kita chukup berbangga dengan keadaan asli kita yang tetap utoh dengan pembawaan2 sikap yang tidak mudah di-sador oleh pengaroh2 yang menchachatkan identiti kita itu. Bagi mempertahankan itu semua, maka ada-lah menjadi tanggong-jawab kita hari ini untok melakukan usaha2 yang positif agar pureh Brunei tidak terchemar di-tengah2 berbagai pengaroh asing itu, jauh sekali membiarkan di-sebabkan nila sa-titik rosak susu sa-belanga.



GAMBAR menunjokkan para peserta Kursus Juruteknik Padi Kumpolan pertama sedang giat menjalani latehan amali mereka di-kawasan projek padi Kerajaan di-Kampong Wasan yang di-awasi oleh pensharah mereka (Gambar Jabatan Pertanian).

# Belia2 di-kehendaki untok ikuti Kursus Juruteknik Padi

KURSUS — Juruteknik Padi akan di-selenggarakan oleh Jabatan Pertanian buat kali yang kedua di-Pusat Latehan Pertanian pada awal tahun hadapan. Kursus selang kerja itu yang akan berjalan sa-lama 12 bulan bertujuan untok mengeluarkan para Juruteknik Padi yang di-perlukan untok bertugas di-kawasan2 projek padi Kerajaan, saperti yang terdapat di-Kg Wasan ketika ini, dalam usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok menambah penghasilan permakanan di-negeri ini.

Belia2 yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, berumor antara 18 dan 28 tahun, dan bersekolah hingga ka-Tingkatan Lima dalam aliran Inggeris, ada-lah di-pelawa untok membuat permohonan bagi mengikuti kursus tersebut dan mereka yang hendak memohon hendak-lah lulus dengan baik dalam dua mata pelajaran atau lebeh di-perengkat biasa dan mereka yang mempunyai keputusan yang baik dalam sa-barang mata pelajaran sains kaji-hayat atau kira2 akan di-beri keutamaan.

Mereka yang berniat untok memohon mengikuti kursus ada-lah di-nasehatkan supaya mendapat borang permohonan sama ada di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut, Batu 21, Jalan Tutong atau Pejabat Pertanian di-daerah masing2. Borang tersebut hendak-lah di-isikan dan di-hantar kapada Pengetua, Pusat Latehan Pertanian Sinaut dengan sa-chepat mungkin dan tidak lewat dari hari Sabtu 15hb Oktober 1979.

Para pemohon yang di-pileh untok mengikuti kursus akan di-beri pakaian, tempat tinggal dan makan minum perchuma di-samping elaun sa-banyak $140/- sa-bulan.

# Pemereksaan alat2 sukatan dan timbangan bagi 1980

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tuan2 punya alat sukatan dan timbangan di-Daerah2 Brunei Muara, Tutong dan Belait ada-lah di-ingatkan bahawa pegawai2 dari Bahagian Sukatan dan Timbangan akan memereksa alat2 mereka bagi tahun 1980. Pemereksaan itu yang telah di-mulakan pada 1hb Sept lepas akan berjalan sa-hingga 31hb Disember tahun ini.

Di-Daerah Tutong pegawai2 tersebut akan berada di-rumah Kerajaan No. 10 di-Bukit Bendera dan di-Rumahsakit Lama di-Kuala Belait bagi Daerah Belait.

Di-Daerah Brunei Muara, tuan2 punya alat2 sukatan dan timbangan ada-lah di-minta supaya membawa alat2 mereka ka-Pejabat Sukatan dan Timbangan di-Batu ½ Jalan Tutong.

Sementara itu di-Daerah Temburong, pemereksaan itu akan bermula pada satu haribulan Oktober. Pegawai2 sukatan dan timbangan akan berada di-Rumah Kelas C No. 1 di-Pekan Bangar.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 30hb Ogos 1979.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. LADA KERING — $3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Sharikat Haji Abdul Rahman,
   No. 107, Jalan Chevalier,
   Bandar Seri Begawan.
2. BAWANG MERAH — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Tan Eng Huat,
   No. 111, Bangunan Guru2 Melayu,
   Bandar Seri Begawan.
   b) Leong Soon Huat,
   No. 1, Jalan McArthur,
   Bandar Seri Begawan.
   c) Ghee Guan,
   No. 4, Jalan McArthur.
   Bandar Seri Begawan.
   d) Ming Thai Company,
   No. 32, Jalan Sultan,
   Bandar Seri Begawan.
3. SAGO HALUS — 50 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Chop Chin Seng,
   No. 107, Jalan Chevalier.
   Bandar Seri Begawan.

**KUALA BELAIT :**

1. LADA KERING — $3.40 sa-kati boleh di-dari kedai2 berikut :—
   Ng Ming Hong,
   No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.
   Kuala Belait.
   b) Ng Ming Hong,
   No. 101, Jalan Mckerron.
   Kuala Belait.
2. BAWANG MERAH — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Sia Hng Hong,
   No. 30-B, Jalan Sungai,
   Kuala Belait.
   b) Ng Ming Hong,
   No. 101, Jalan Mckerron,
   Kuala Belait.
3. SAGO HALUS — 60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Ng Ming Hong,
   No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China,
   Kuala Belait.

**SERIA**

1. LADA KERING — $3.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Poh Sing,
   No. 65, Jalan Bunga Kenanga,
   Seria.
2. BAWANG MERAH — $1.60 sa-kati boleh beli dari kedai2 berikut :—
   a) Hui Guan,
   No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.
   Seria.
   b) Yuan Ho Hing,
   No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
   Seria.
3. SAGO HALUS — 70 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Chop Koh Seng Hang,
   No. 17, Jalan Sultan Omar Ali,
   Seria.
   b) Foo Hap Shing,
   No. 20, Jalan Sultan Omar Ali,
   Seria.
   c) Hui Guan,
   No. 48-B, Jalan Bunga Kuning,
   Seria.
   d) Soon Kheng,
   No. 50-B, Jalan Bunga Kuning,
   Seria.

# ASKAR MUDA AMDB KA-S'PURA

BERAKAS.—Kira2 tiga puloh orang rekrut dari Chawangan Askar Muda Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei termasok jurulateh2 mereka telah berlepas ka-Singapura pada 2hb Sept lepas kerana satu latehan khas sa-lama sa-minggu di-repablik itu.

Mereka akan di-tempatkan di-Sekolah Outward Bound di-Pulau Ubin untok menjalani berbagai latehan termasok bernang, berdayong, mendaki bukit dan lain2 latehan tentera. Mereka juga akan melakukan beberapa lawatan sambil belajar di-repablik itu.

# 8,500 WELL WISHERS TO PALACE

BANDAR SERI BEGAWAN. — More than eight thousand and four hundred people of various nationalities visited the Istana Darul Hana since it was opened to the public on August 26 for them to greet His Highness the Sultan and members of the Royal family a "Selamat Hari Raya."

Among the members of the Royal family who received the well-wishers were the Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah and Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Each visitor also received a personal greeting card from His Highness the Sultan.

Meanwhile, hundreds of Police personnel visited the residence of the Commissioner of Police, Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya at the Police Headquarters in Gadong last Tuesday to greet him and his family a "Selamat Hari Raya".



TWO Brunei representatives left the State for Australia last Thursday to take part in activiteis of the 4th International Gold Award Project of the Duke of Edinburgh Award Scheme there.

Awang Johari bin Dato Matnor and Awang Abidin bin Harris who are students will be there for a month.

Representatives from other Commonwealth countries are also attending the project.

Picture above shows the Director of Welfare, Youth and Sports, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein presenting the state flag to Awang Johari at the Brunei International Airport before their departure.

# CHANGES & PROMOTIONS IN ADMINISTRATION

BANDAR SERI BEGAWAN. — Several changes and promotions have been made in the Brunei government administration.

The Controller of Immigration, Dato Paduka Awg Haji Mohd Ali bin Haji Mohd Daud, will go to London tomorrow to work side by side and to assist Pehin Orang Kaya Datu Petinggi Maha Kornia Diraja Dato Laila Utama Sir Dennis White, a representative of the Brunei Government in Britain.

The Deputy Director of Establishment, Awang Haji Mohd Kassim bin Haji Mohd Daud has been appointed as Commissioner of Co-operative Development with effect from August 21.

Other officials involved in the reshuffle include Dato Paduka Awang Abidin bin Abdul Rashid, Controller of Land Transport, who serves as Controller of Immigration.

Awang Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah, Chairman of the Municipal Board has been appointed as the Tutong District Officer.

Awang Puasa bin Tudin, Acting Tutong District Officer, is now the Chairman of the Municipal Board, Bandar Seri Begawan. He has also been upgraded to Group Three.

Awang Omar bin Haji Serudin, Deputy Controller of Customs and Excise, is now the Acting Controller of Land Transport.

Awang Haji Jaya bin Abdul Latif is now the permanent Chief of the Training Unit of the Establishment Office and he is also promoted from Group Four to Group Three.

Awg Haji Mohd Yunos bin Haji Mohd Hussein, Senior Administrative Officer in the State Secretariat serves as a permanent officer in the department. He is promoted from Group 4 to Group 3.

Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad, Acting Temburong District Officer, is now promoted to be the Temburong District Officer; and Pengiran Idriss ibni Almarhum Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Pengiran Haji Mohamed, Senior Administrative Officer in the Civil Aviation Department, is now the Acting Belait District Officer.

# 2 New Lieutenants Commissioned

BERAKAS. — Awang Sulaiman bin Ahmed and Dato Haji Bahar bin Haji Tamat were commissioned as lieutenants last Saturday.

Lieutenant Sulaiman is now second in command of the Royal Brunei Malay Regiment's Brunei cadets.

He has been regimental sergeant major at the First Battalion.

While Lieutenant Dato Haji Bahar who had been recruiting officer at the Bolkiah Camp Training Centre is now second in command of the regiment's boys wing.

Both of them have been with the regiment since 1961.

# Submit Completed Forms Before 20th

BANDAR SERI BEGAWAN. — The National Account Section of the Economic Planing Unit of the State Secretariat which launched an economic survey of business undertakings in early May this year has asked all the establishments concerned to submit the completed forms and questionnaires not later than September 20.

The survey is based on business data for the past two years.

Businessmen can either send them by post or submit them personally at the Branch Office of the Economic Planning Unit at Jalan Tasek Lama in the capital.

It is an offence of failing to submit the returns in time and the offenders will be prosecuted.

# GURKHA FUN FAIR

SERIA. — The yearly Gurkha fair was held on Thursday at the sports arena here.

The four-days' fair was declared opened by the Acting Belait District Officer, Pengiran Idriss ibni Almarhum Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Pengiran Haji Mohamed.

The main attractions at the opening ceremony included a display by the Pipes and Drum of the Royal Brunei Malay Regiment, a demonstration by the Regiment's Scorpion tanks as well as presentations of Nepalese cultural dances.

The fair is in aid of the Gurkha Rifles Fund and the Gurkha and Nepalese Charity Account in Brunei.

# HARI RAYA CELEBRATIONS

BERAKAS. — A Hari Raya celebration will be held at the Berakas Camp parade ground on Friday.

Personnel of the Royal Brunei Malay Regiment at the Berakas Garrison will start the celebration at 7.30 p.m.

The function will include presentation of songs, dances and comic sketches by the regiment's personnel and members of their families.

Meanwhile, a Hari Raya celebration for orphans in the Belait District will be held at the Kuala Belait Civic Centre on Sunday commencing at 2 p.m.

The function is organised by the District's Orphans Fund Board.

Orphans will be entertained with cultural displays, a magic show, indoor games and others.



PICTURE shows some of agricultural trainees undergoing their practical training at the Government Paddy-Planting Project Area at Kampong Wasan.

# A FISHERMAN RESCUED

BERAKAS. — The Brunei army and police last Friday rescued a local fisherman after his drifting in the sea off Berakas for more than 36 hours.

Awang Aman bin Ghani went fishing on Wednesday night and when he failed to return home on Thursday morning, his relatives alerted the police.

A Royal Brunei Malay Regiment helicopter, called in for assistance in the rescue, spotted his boat drifting about five miles off Berakas last Friday morning.

He was reported to be in good health when found.

The drifting was said to be caused by the engine trouble.

# SHORTWAVE SERVICE SHUT DOWN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Radio Brunei's shortwave service was closed down on Saturday.

Listeners on short wave should now retune to frequencies of Radio Brunei's FM service or Medium wave.

Those who experience difficulty resulting from this change are advised to contact the Superintendent Engineer of Radio Television Brunei in Bandar Seri Begawan.

# 1,000 for overseas

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Government will be sending about a thousand students for higher studies and various in-service courses overseas this year.

Disclosing this in here on Sunday, the State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Aziz said these courses which have been of benefit to the students and the state in the past have contributed to the government's policy.

He was openinga six-day civic course for Brunei students studying in the UK who are at home on holiday.




DALAM Akhbar Al-'Alam Al-Islami bilangan 561 keluaran 7hb Safar, 1398 bersamaan 16hb Januari, 1978, Al-Ustaz Muhammad Safwat As-Saqa Amini, yang berjawatan selaku pembantu kapada Setiausaha Agong Pertubohan Rabitah Al-'Alam Al-Islami yang berpusat di-Mekah itu, telah meneruskan tulisan-nya dalam siri kaempat mengenai Freemasonry, yang antara lain kata-nya:

"Dalam masa saya menulis ini ia-lah ledakan suara peluru yang telah mengenai ustaz kita *Dr.Muhammad Ali Az-Za'bi* pada petang hari Khamis, 26hb Muharram, 1398 bersamaan 5hb. Januari, 1978 di-Beirut, di-suatu tempat dari arah yang tinggi tiba2 satu tangan yang penoh dosa telah melepaskan tembakan kapada-nya, bertujuan untok membunoh-nya, ia-itu kejadian ini berlaku sa-baik2 sahaja terbit sa-buah buku chetakan yang terbaru, *Al-Masuniah Fil'ara,* Freemasonary Dalam Kenyataan, karangan oleh doktor tersebut (lihat gambar).

# LAGI MENGENAI FREEMASONRY

## Siri ke-45

Akan tetapi kehendak Allah lebeh kuat dan lebeh menentukan dari ledakan peluru dan bahkan dari tipu muslihat Freemasonry. Doktor itu pun di-angkat ka-rumahsakit, dan kita memberi pujian kapada Allah yang telah menyelamatkan-nya, dan dari hati yang tulus ikhlas kita menyampaikan tahniah serta berharap akan menemui ustaz kita itu lagi dalam buku-nya yang lain tentang Freemasonry."

Demikian Muhammad Safwat As-Saqa Amini memulakan tulisan-nya. Muhammad Safwat saorang yang berkebangsaan Saudi, wajah-nya jernih dan mudah memberikan senyum. Saya mengenal-nya dalam Persidangan Islam Asia Yang Pertama di-Kerachi tahun sudah, dan saya suka mendengar suara-nya yang lantang apabila berchakap. Orang-nya ramah dan suka melayani siapa sahaja. Dari watak dan perchakapan-nya, menggambarkan beliau sa-orang yang tegoh dan kuat pendirian ugama-nya.

Al-Ustaz Muhammad Safwat As-saqa Amini memetik kenyataan dari akhbar *Star,* sa-buah akhbar yang di-terbitkan di-Pulau Pinang, Malaysia dalam keluaran-nya pada 30hb Mach, 1977 berkenaan kenyataan sa-orang ahli Dewan Ra'ayat, Raja Nasron, yang menyeru kerajaan supaya mengharamkan Pertubohan Freemasonry di-Malaysia. Kata Raja Nasron, Pertubohan Freemasonry ada-lah lebeh bahaya dari Komunis, di-sebabkan ia-nya menghendaki kekuasaan penoh bagi ahli2-nya.

Kata-nya: Pertubohan ini menarek anggota-nya dengan mengajak mereka, dan ajakan itu hanya di-tujukan kapada mereka yang di-yakini boleh memperchayai bahawa Freemasonry itu akan dapat menolong mereka menjadi *ORANG BESAR* dan *PEMIMPIN.*

Telah menggesa Raja Nasron supaya Kementerian Dalam Negeri Malaysia jangan memandang rengan terhadap pertubohan ini agar tidak menyesal kemudian kelak.

Dan pelek-nya ada satengah orang2 penting yang bertanggong-jawab yang memehak dan mempertahankan pertubohan ini, walaupun semua-nya telah jelas dan kenyataannya tidak lagi tersembunyi.

Saya tetap mengatakan, bahawa Pertubohan ini ada-lah bertujuan mencheroboh dan menghanchorkan semua keperchayaan dan ugama, dan mengancham kestabilan umat dan undang2 negeri.

Berkata lagi Al-Ustaz Muhammad Safwat As-Saqa Amini: "Saya menakjubi apa yang telah ditegaskan oleh Tengku Nor 'Aishah Binte Tengku Ahmad, bahawa Zionism melalui pertubohan ini amatlah merbahaya kapada perpaduan Islam dalam negeri ini."

Kata-nya lagi: "Bahawa Pertubohan ini chergas di-Malaysia dan mempunyai tujuan2 yang khas untok menguasai dunia. Di-dalam-nya terdapat pemuka2 masharakat, pemimpin2 dan orang2 kenamaan." Beliau meminta supaya Malaysia mengharamkannya, sa-bagai sifat-nya sabuah negeri Islam.

Akhbar mingguan *Suara Merdeka* dan *Watan* dalam keluaran-nya pada 14hb Mach, 1977 mengenai Freemasonry ini menerangkan: Bahawa orang2 Islam Malaysia sering tertanya-tanya tentang hakikat Freemasonry, ia-itu sa-telah mereka menyedari mengenai bahaya2-nya serta mendapati pemikiran2-nya mengancham keselamatan kerajaan, adat resam dan kemerdekaan negara. Ia-nya bertentangan dengan *risalah* Nabi Muhammad s.a.w.




KULIT buku Al-Masuniah Fil'ara karangan Dr. Muhammad Ali Az-Za'bi.

Tersebar-nya kesedaran yang demikian itu bukan sahaja di-kalangan golongan pertengahan yang terpelajar, bahkan sa-tiap anggota dalam masharakat Islam yang menentang gerakan2 komunis dan dasar2 ideoloji yang merosak.

Kemudian akhbar2 ini membentangkan beberapa perkara yang benar berkenaan Freemasonry dan mengingatkan, bahawa *sumpah* atau penguchapan yang di-lakukan oleh ahli2 Freemasonry bagi mengishtiharkan keanggotaan mereka ada-lah bertentangan dengan ajaran Islam. Demikian juga lambang2 yang di-pakai oleh sa-tiap ahli.

Kata-nya: Freemasonry ada-lah sa-buah pertubohan rahasia. Kerajaan tidak kuasa mendapatkan bokti2 untok mengetahui siapa2 yang berdiri di-belakang, menjadi penyokong2 yang kuat. Dan antara yang menghalang kerajaan tidak dapat mengambil apa2 tindakan menentangnya, ia-lah sa-tengah anggota Freemasonry itu mempunyai kedudokan yang tinggi dalam kerajaan....

Di-belakang Freemasonry itu terdapat ranchangan2 Zionis. Pelaksana-nya terdiri dari orang2 Yahudi yang menjadi anggota pertubohan tersebut. Pada dzahir-nya Freemasonry bekerja untok *kemanusiaan.* Di-luar ia *rahmat,* sedang bathinnya suatu *azab.* Bagi Freemasonry mempunyai ranchangan2 yang keji untok menguasai dunia. Baginya terdapat senjata yang khusus, di-gunakan terhadap negara2 barat, dan juga untok memerangi negara2 Islam. Punchak dari tamak haluba mereka yang sa-benar2-nya ia-lah *dasar perluasan* mereka. Freemasonry mengunakan *"bintang kepala enam"* (lambang Yahudi), di-pakai oleh anggota2-nya.

Al-Ustaz Muhammad Safwat As-Saqa Amini terus menegaskan: "Apa yang mendukachitakan saya, saperti juga orang lain dari kalangan muslimin, ia-lah maseh terdapat pada sa-tengah kalangan orang2 yang bertanggong-jawab — sa-kali pun sudah ada keterangan2 yang jelas menganggap Freemasonry itu suatu gerakan kemanusiaan.

Telah terkesan nama Rabitah Al-'Alam Al-Islami selaku sa-buah pertubohan yang menuntut dari bangsa2 Islam di-dunia dan kerajaan2 mereka supaya mengharamkan pakatan ini. Sa-sunggoh-nya pertubohan Freemasonry ada-lah peruntoh kapada sa-tiap kebangunan moral, dan bahkan lebeh dari itu.

"Saya," tegas pembantu Setiausaha Agong Rabitah Al-'Alam Al-Islami itu, "ada-lah mengalu-ngalukan Perhimpunan Negara2 Arab atas ketetapan mereka pada 9hb. Jun, 1977 dalam Muktamar Negara2 Arab yang berlangsong di-Iskandariah, menganggap bahawa kegiatan2 Freemasonry itu sa-bagai amat merbahaya dan mendesak supaya ditutop chabang2 pertubohan tersebut dalam semua negara2 Arab."

(Bersambong)

# FITNAH ITU LEBEH DAHSHAT DARI PEMBUNOHAN

DALAM masharakat apa pun jua, macham2 keadaan orang boleh di-dapati. Ada orang baik dan ada juga orang jahat. Yang baik itu pula terbahagi bermacham-macham. Ada yang baik kerana memang sifat dan tabiat-nya yang sa-mula jadi ada-lah baik. Biasa-nya orang begini akan melakukan kebaikan dengan tidak payah di-suroh atau di-beri upah, ia melakukan kebaikan atau kebajikan itu samada dengan chara berterang-terangan atau bersembunyi-sembunyi. Kedua, orang baik kerana keadaan membentok atau memaksa-nya jadi baik.. Dari orang yang begini pun boleh-lah di-harapkan kebaikan daripada-nya, asal sahaja latar belakang yang menyebabkan-nya baik itu ada-lah perkara yang betul dan baik pula.

Maka demikian juga orang jahat, bermacham-macham peringkat jahat atau jenis kejahatan boleh di-lakukan. Ada kejahatan yang di-buat dalam terang, di-samping yang di-lakukan sa-chara bersembunyi-sembunyi. Atau jenis pekerjaan-nya yang jahat itu boleh kita lihat, sedang pelaku-nya tidak nampak yakni tidak menampakkan diri, saperti kita lihat tulisan2 yang tidak di-terangkan nama penulis-nya, baik ia-nya berbentok surat, atau risalah, atau pampelit, atau poster dan lain2 lagi, semua-nya itu dapat kita namakan sa-bagai perbuatan tidak bertanggong-jawab yang tidak sehat. Dari sudut moral, hal itu tidak-lah elok, lebeh2 lagi jika dalam tulisan2 itu bertujuan menjatuhkan nama atau membuka aib sa-seorang. Jika perkara itu palsu, maka berlebeh-lebeh lagi pula dosa yang di-dapati, sebab ia-nya masok dalam katagori fitnah. Firman Allah Ta'ala Surah Al-Baqarah ayat 191, yang bererti: *"Dan fitnah itu lebeh dahshat (bahaya) dari pembunohan".*

Bagi masharakat yang bersih, yakni orang2 Islam yang tidak mahu terlibat dengan sa-barang perbuatan gelap yang tidak bertanggong-jawab, hendak-lah mereka selalu ingat kapada pesanan Nabi, riwayat Ahmad dan Al-Baihaki yang bererti: *"Berhati-hati-lah dari orang ramai dengan burok sangka".*

Maksud dari hadith ini, kita dalam menghadapi orang yang tidak atau kurang di-kenali, atau orang yang menampakkan tindak-tandok yang meragukan, maka sikap berhati-hati, tidak mudah terpengaroh. Atau tidak mudah perchaya ada-lah merupakan satu kaedah yang bijaksana yang mesti kita amalkan bagi menghindari orang yang jahat budi pekerti-nya dalam pergaulan, yang menipu, membuka aib dan mengumpat orang Islam.

Sikap berhati-hati ini berguna, terutama dalam masharakat yang berbagai-bagai jenis dan puak, atau masharakat ini kita tahu ramai yang tidak gemar dengan ugama dan petunjok, yang menjadikan mereka lebeh tertarik memikirkan muslihat diri sendiri, walaupun terpaksa mengunakan berbagai-bagai chara yang salah dan berdosa.

Sunggoh pun demikian, wahai kaum muslimin, ini hanya-lah dalam masharakat yang kita chukop alasan dan bokti untok meletakkan burok sangka dan berhati-hati. Tetapi dalam pergaulan yang terbuka sasama muslim di-antara sahabat dengan sahabat, kawan dengan kawan dan sa-bagai-nya, atau golongan mukmin yang patoh kapada ajaran Allah Ta'ala, maka burok sangka itu

## KHUTBAH JUMAAT



ada-lah di-larang dan di-keji, kerana ia boleh merosakkan hidup sa-seorang dan memechah-belahkan-nya dari masharakat sekeliling-nya. Akibat-nya masharakat tidak harmoni, banyak permusohan dan fitnah tersebar dengan luasnya. Kerana itu-lah dalam Al-Kor'an di-tegaskan, di-tujukan khusus kapada orang2 yang beriman, firman-Nya Surah Al-Hujurat ayat 12 yang bererti: *"Wahai orang2 yang beriman jauhi-lah oleh kamu membanyakkan sangkaan, sa-sunggoh-nya sa-bahagian sangkaan itu ia-lah dosa".*

Ayat ini ada-lah terang, sa-suatu bimbingan kapada kita supaya jangan bergelomang dengan sangkaan2 yang liar. Sa-tiap sangkaan burok terhadap sa-seorang perlu-lah di-semak, jika tidak ada bokti dan tanda2-nya yang jelas, maka itu makna-nya dosa. Sa-buah hadith Muttapakon 'Alaih menyebut yang bererti: *"Awas-lah kamu dari sangkaan2 kerana sangkaan2 itu ia-lah keterangan yang paling dusta".*

# TANAMKAN BUDI PEKERTI YANG LUHOR

PERNAH-KAH kita bertanya kapada diri kita sendiri, bagaimana perasaan kita jika mendapat layanan yang memuaskan dari sa-seorang yang di-tambah lagi dengan budi perkerti yang luhor? Tentu-lah kita akan berasa gembira dan dengan itu pula kita akan terfikir; kalau-lah sikap2 demikian tertanam pada jiwa sa-tiap insan, tentu-lah serba-serbi akan berada di-dalam aman dan tidak akan ujud penyakit2 sombong, bongkak dan bangga diri. Jua tidak akan terjadi sa-suatu yang tidak di-ingini.

Kalau-lah sa-seorang itu tidak mempunyai budi pekerti yang luhor, tidak tahu bersopan santun, mempunyai 'olah' yang tidak menentu, tentu-lah kita tidak akan ingin kapada mereka itu malah kita akan mungkin menjauhkan diri dari mereka itu.

Dalam kehidupan sa-hari2 mithal-nya, kita tentunya tidak akan dapat lari dari membeli keperluan2 harian. Apa kata, kalau dalam sa-sebuah kedai kita tidak di-berikan layanan yang memuaskan, tidak ada budi pekerti, dan tidak pula bersopan-santun. Tentu-lah serba sedikit akan mengguris perasaan kita yang mana menyebabkan kita tidak akan 'nyanyat' untok berkunjong ka-sana lagi.

Dalam hal yang lain chuba kita bayangkan pula bagaimana perasaan kita jika sa-seorang penyembut tetamu tidak menunjokkan budi perkerti dan sopan-santun yang baik kapada orang2 yang datang? Tentu-lah kita tidak akan berasa senang melihat laku perbuatan-nya itu. Jua kita akan berasa 'janggal' apabila kita berhadapan dengan-nya, dan sa-olah2 jurang antara kedua-nya ada-lah jauh.

Dalam masa memandu pula, bagaimana perasaan kita jika antara pengguna2 jalan-raya yang lain tidak menunjokkan sikap bersopan-santun di-jalan, tidak memperdulikan apa orang kata? Ia menganggap sa-olah2 jalan itu dia sa-orang saja yang punya. Tentu-lah akan membangkitkan api kemarahan kapada pengguna2 yang lain.

Demikian-lah di-paparkan antara chontoh2, di-mana akan membangkitkan perasaan kurang senang, jika sa-seorang itu tidak mempunyai budi pekerti yang baik, tidak bersopan-santun, serta tidak berkeolahan baik. Jua ini-lah suatu bokti yang menunjokkan betapa sikap berbudi pekerti, bersopan-santun dan berkeolahan yang baik, memainkan peranan yang penting dalam kehidupan kita sa-hari2. Betapa tidak-nya, kerana ia telah membuahkan sa-suatu yang baik dan menguntongkan serta meninggalkan sa-suatu ristaan yang baik.

Chuba kita tanya sa-kali lagi kapada diri kita sendiri; apa-kah kita akan di-katakan sa-bagai orang yang 'inda baumpama'. Tentu-nya kita tidak mahu, kerana kalau kita, di-katakan 'inda baumpama'. ia sa-olah2 menggambarkan kita sa-bagai orang yang tidak mahu menunjokkan sikap yang baik, tidak mahu menerima tunjok ajar, dan menganggap diri sendiri sa-bagai orang yang paling 'jagoh'.

Ada pun sebab kenapa sa-seorang itu di-katakan sa-bagai orang yang 'inda baumpama' ada-lah di-sebabkan ia tidak mempunyai budi pekerti, tidak bersopan-santun, dan tidak berkeolahan yang baik. Dalam sa-buah rumah-tangga mithal-nya, kalau sa-seorang anak tidak mempunyai sikap2 yang di-sebutkan tadi, ia tentu akan berani untok menengking pada ibu bapa-nya. Dan ibu-bapa-nya pula akan mengatakan anak-nya itu sa-bagai 'inda baumpama' terhadap 'indong bapa'. Ini-lah sa-suatu yang perlu untok di-awasi kerana kalau ia dapat di-kawal

## Bingkisan minggu ini

sejak dari rumah lagi, tidak mustahil ia akan dapat pula menerima didekan orang lain di-luar rumah pula.

Dari segi pandangan Islam, orang yang mempunyai budi pekerti ini ada-lah orang2 yang paling sempurna iman-nya. Ini dapat di-boktikan dengan sabda Rasulullah s.a.w. yang telah di-riwayatkan oleh Ahmad yang lebeh kuran bermaksud: *"Orang2 Mukmin yang paling sempurna iman-nya ia-lah orang2 yang paling baik budi pekerti-nya".*

Memandangkan betapa peri mustahak-nya di-tanamkan sikap berbudi pekerti dan bersopan-santun serta berkeolahan yang baik ini dalam kehidupan kita, maka sa-mesti-nya-lah kita tidak menchuai-chuaikannya. Di-samping beralaskan dengan apa2 yang telah di-perkatakan tadi, ia juga menanamkan perasaan hormat-menghormati, dan 'gala-mengalati' sa-hinggakan tidak berani untok bertindak mengikut perasaan sendiri.

# HADHIRI KURSUS SEBERANG LAUT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai Jabatan Pertanian telah bertolak minggu lalu untok mengikuti kursus di-seberang laut di-bawah sekim latehan dalam perkhidmatan kerajaan.

Awg Bakri bin Yunton bertolak ka-Amerika Sharikat untok mengikuti kursus Kajian Chaching Pertanian bagi mendapatkan ijazah sarjana di-Universiti Massachusetts.

Manakala Awg Lim Jock Beng berkursus di-Belanda mengenai penternakan ayam di-Barnveld College sa-lama enam bulan.

Semantara itu berlepas pada hari Selasa, 28hb Ogos ia-lah Awg Saidin bin Mohd Tumin, pegawai kechil teknik rendah, Jabatan Ukor untok mengikuti kursus teknik cartographic moden sa-lama sa-tahun.

Awang Saidin dari Bahagian Pemetaan akan mengikuti kursus tersebut bertempat di-Directorate of Overseas Surveys, Tolworth di-Surrey, UK.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 5hb September, 1979 hingga ka-hari Selasa 11hb September, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5hb Sept | 12.24 | 3.41 | 6.30 | 7.42 | 4.41 | 4.56 | 6.13 |
| 6hb Sept | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.55 | 6.12 |
| 7hb Sept | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.55 | 6.12 |
| 8hb Sept | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.55 | 6.12 |
| 9hb Sept | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.55 | 6.12 |
| 10hb Sept | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.55 | 6.12 |
| 11hb Sept | 12.22 | 3.38 | 6.26 | 7.39 | 4.39 | 4.54 | 6.11 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 6hb hingga 12hb Sept. 1979

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Kawasan Rumah Mukim Serasa, Kampong Serasa | 6.9.1979 | Khamis | 3.15– 4.15 | petang |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara | 6.9.1979 | Khamis | 4.30– 5.30 | ,, |
| Kawasan Masjid, Kampong Sengkurong | 8.9.1979 | Sabtu | 2.00– 3.00 | ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 8.9.1979 | Sabtu | 3.15– 4.15 | ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 8.9.1979 | Sabtu | 4.30– 5.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 10.9.1979 | Isnin | 3.00– 4.00 | ,, |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 10.9.1979 | Isnin | 4.30– 5.30 | ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 11.9.1979 | Selasa | 9.15–10.15 | pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 11.9.1979 | Selasa | 10.30–11.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 12.9.1979 | Rabu | 8.30– 9.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 12.9.1979 | Rabu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 12.9.1979 | Rabu | 11.00–12.00 | T/Hari |







# BERHARI RAYA DI-ISTANA DARUL HANA





SAPERTI juga pada hari raya yang telah lalu, tahun ini hari raya meriah lagi dengan berbagai kunjongan dari sa-genap lapisan masharakat dan pendudok. Malah ada di-antara kunjongan tersebut di-sambut pula dengan berbagai hidangan yang di-sulami dengan bachaan tahlil dan sa-bagai-nya.

Tidak ketinggalan juga kunjongan tersebut akan tertumpu ka-tempat kediaman orang2 kenamaan, malah Istana Darul Hana juga terus di-buka untok kunjongan raayat dan pendudok negeri ini dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bermula pada hari raya kedua hingga ke-empat.

Dari apa yang dapat di-saksikan berkunjong ka-Istana Darul Hana untok berziarah hari raya kapada Baginda dan lain2 Kerabat Diraja, sa-genap lapisan masharakat di-negeri ini nyata tidak mahu ketinggalan untok berbuat demikian.

Jelas-lah betapa hampir sembilan ribu pengunjong ka-Istana Darul Hana itu jelas menunjokkan bahawa raayat dan pendudok negeri ini begitu sayang dan kaseh kapada Baginda serta lain2 Kerabat Diraja, bukan sahaja tempat berlindong untok menekmati suasana kehidupan yang harmoni, malah tempat menchurahkan kaseh dan taat setia serta kegembiraan di-hari raya yang di-sambut sa-tahun sa-kali.

Gambar2 yang tersiar dalam ruangan ini memperlihatkan beberapa sudut dari sa-bahagian pengunjong2 yang berziarah ka-Istana Darul Hana di-tiga hari berturut-turut yang lalu.











## Ranchangan TVP minggu ini

PADA 10hb September, 1979, TVP akan kembali ka-udara untok penggal persekolahan yang ketiga, dengan ranchangan2 berikut. Dalam siri "Let's Speak English" ranchangan kelima belas ini murid2 akan di-perkenalkan chara2 menggunakan perkataan 'Going to'. Dalam ranchangan ini juga murid2 akan dapat melihat kawan2 kamu yang berkerja di-hospital dan di-perkenalkan dengan tugas2 mereka, saperti Dr. Chin (dentist) Awang Yusof (bio-chemist), Dayang Siti Hanna (dental nurse) dan Dayang Mariah (nurse). Murid2 juga akan berpeluang mendengar perbualan2 di-antara Amin dan Aminah dan lain2 lagi, di-samping melihat telatah2 Nadzaty dan kawan2-nya. Ranchangan ini juga di-sajikan dengan sa-buah lagu. Berikut ia-lah senikata lagu itu.

**ARE YOU SLEEPING?**

Are you sleeping, Are you sleeping.
Brother John ? Brother John ?
Morning bells are ringing,
Morning bells are ringing,
Ding, Dong Bells. Ding, Dong Bells.



Siri "Sains Dan Hidupan Di-Brunei" ranchangan kelima belas bertajok 'Mesin Mudah 3'. Ranchangan ini ada-lah lanjutan (sambongan) dari siri ranchangan 'Mesin Mudah 2'. Dalam ranchangan ini menerangkan lebeh dekat lagi mengenai kegunaan roda, takal dan satah chondong.



**Rajah 1 Roda**




**Rajah 2 Takal**



**Rajah 3 Satah Chondong**

Dalam bahagian ini kamu dapat melihat bagaimana takal2 di-gunakan berpandukan kapada perchubaan guru TVP. Jangan lupa menyaksikan ranchangan ini.

Kedua-dua ranchangan ini akan dapat di-ikuti pada hari Isnin 10hb. September, 1979. "Let's Speak English" akan dapat di-ikuti pada pukol 8.50 pagi dan "Sains Dan Hidupan Di-Brunei" papada pukol 9.20 pagi.

Siaran ulangan kedua-dua ranchangan ini akan dapat di-ikuti pada hari2 Selasa, Rabu dan Khamis bersamaan dengan 11hb., 12hb. dan 13hb September, 1979 pada waktu yang sama.

# DARI SEKOLAH KA-SEKOLAH

RANCHANGAN 'Dari Sekolah Ka-sekolah' kembali lagi menemui awda khas-nya para pelajar sekalian pada hari Ahad, 9hb September, 1979 jam 11.30 pagi dengan persembahan dari pelajar2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (Menengah Atas) Bandar Seri Begawan. Dalam ranchangan mereka yang pertama ini, awda akan mengikuti temuramah2 dan rakaman2 disekitar kegiatan2 pelajar di-maktab itu. Siaran ulangan-nya akan kaudara lagi pada jam 7.30 malam, hari Rabu 12hb September, 1979.



**PELAJAR2 Maktab S.O.A.S. (Senior) sedang membuat rakaman di-studio bersama dengan penerbit, Abd Halim Hashim (sa-belah).**

## From School To School

TUNE in to the English Service of Radio Brunei at 11.15 a.m. for the above school in our weekly programme. If you miss the morning programme you can listen to a repeat the same evening from 8.00 o'clock (above).

## Tayangan malam Sabtu

CHARLY Gordan ada-lah sa-orang dewasa yang bersifat pemurah tapi fikiran-nya maseh menyerupai kanak2. Dia berusaha untok menarek perhatian sa-orang guru wanita yang mengajar-nya di-sebelah malam, Claire Bloom. Dia di-bawa ka-klinik dan menjadi bahan perchubaan. Operasi ini berjaya dan Charly sekarang ia-lah sa-orang lelaki baru. Dia chepat mempelajari sa-suatu dan jatoh chinta kapada Alice.

Tidak lama sa-belum Charly munchol di-satu persidangan yang penting sa-bagai bokti yang nyata dari kejayaan perchubaan itu, dia membuat sa-suatu yang menakutkan dan cherita ini berakhir dengan keadaan yang tidak di-sangka2.

**Cliff Robertson (kiri) memenangi satu hadiah akademik kerana peranan-nya sa-bagai sa-orang yang chachat fikiran-nya siapa yang juga jatoh chinta dengan guru-nya (Claire Bloom) sa-lepas pembedahan otak yang menaikkan-nya ka-paras kepintaran yang hanya memakan masa yang sengkat.**







# intisari RTB minggu ini

## Siswazah Brunei

RANCHANGAN Siswazah Brunei kembali ka-udara minggu ini dengan mengemukakan sa-orang lagi siswazah yang lulus dari University seberang laut, beliau ia-lah Kaptan Mohd Yusof bin Abu Bakar dari pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Beliau mendapat ijazah Sarjana Muda di-bidang Kejuruteraan Mekanik dari University Salford, England.

Ketika di-temuramah oleh wakil kami, Awang Annuar Haji Abdul Hamid, beliau menyatakan bahawa sa-masa mula2 berkhidmat dengan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei beliau ada-lah sa-bagai pegawai biasa dan terpaksa menghadapi berbagai chabaran.

Walau bagaimana pun kata beliau 'Sa-bgai anggota tentera ini bukan saja kita dapat berbakti kapada negara dan bangsa malah kita berpeluang untok mengikuti kursus2 dalam berbagai bidang di-dalam dan juga luar negeri.'

Ikuti-lah kandongan ranchangan ini pada hari Jumaat 7hb September, 1979 jam 7.30 malam. Dan ulangan siaran-nya pada hari Sabtu jam 1.00 tengah hari.



## Brunei Graduates

FOR this week we invite Awang Yusof bin Haji Hassan, a biochemist with the Chemical Pathology Lab. of the General Hospital Brunei to share with us his academic life in Brunei Graduates programme. This programme goes on air tomorrow at 12.45 pm and will be repeated on Sunday, 9th September at 8.00 pm.





## The Incredible Hulk

KETIKA bekerja di-sabuah disko, Banner berhadapan dengan sa-orang penari yang ternyata di-dalam kesusahan. Tidak lama sa-telah itu dia mendapati yang gadis ini ada-lah sa-orang yang istemewa kapada-nya ketika kechil-nya dan sekarang dia di-peralatkan oleh tuan punya tempat tari-menari itu. "Hulk" keluar untok membantu-nya untok melupakan masaalah2 yang di-hadapi-nya.

**BINTANG yang menjayakan siri ini, Bill Bixby membachakan cherita untok Lisa Lambert dalam sa-buah pemandangan dari "Alice in Disco Land", episod The Incredible Hulk minggu ini hari Ahad jam 7.40 malam.**

## Little House on The Prairie

CHARLES Ingalls mengetuai 25 orang budak buta merantas hutan menuju ka-sekolah mereka yang baru di-Walnut Grove dan dia menyaksikan sendiri rahsia tentang keberanian hati menantu-nya yang baru itu.

Adam Kendall yang buta itu mengakui diri-nya sa-bagai pengechut kapada isteri-nya Mary, bila dia merasa panik ketika menyeberangi sa-buah sungai yang merbahaya di-hutan yang mereka lalui, dan Puan Oleson yang membenchi Joe Kagan kerana perbedzaan kulit dan keturunan merasa kechewa bila dia mendapati yang banyak dari penuntut2 buta itu terdiri dari orang2 yang berkulit hitam.

**PEMANDANGAN yang di-ambil dari episod Little House On The Prairie yang akan di-tayangkan hari Isnin 10hb September jam 6.00 petang.**

## TALIVISHEN PENDIDEKAN MENGKEHENDAKI:—

### PENYAMPAI ATAU JURUACHARA RANCHANGAN BARU TVP "KAP-KAP UDANG" ATAU "ROMPER ROOM"

PEMOHON2 ada-lah di-pelawa dari guru2 perempuan yang sedang berkhidmat dengan Jabatan Pelajaran bagi menjalankan tugas2 sa-bagai penyampai atau juruachara tetap bagi siri ranchangan baru TVP yang di-beri nama "Kap-Kap Udang", juga di-kenali antarabangsa dengan nama "Romper Room". Ranchangan ini ada-lah di-tujukan untok kanak-kanak dalam Pra-Sekolah.

Pemohon2 mesti-lah memenohi sharat2 berikut :—

(a) Faseh bertutor dalam bahasa Inggeris dan Melayu, serta mempunyai suara yang baik.
(b) Berperawakan yang menarek.
(c) Berpengalaman mengajar sa-lama 5 tahun dan berkebolehan melayani kanak-kanak.
(d) Bersedia bekerja pada hari2 kelepasan dan bila2 di-kehendaki.
(e) Berkebolehan dalam bidang musik (menyanyi atau memain alat musik) bercherita dan melayan kanak-kanak.

2. Pemohon yang berjaya di-terima menjadi penyampai akan di-hantar untok menjalani satu kursus singkat di-Australia.

3. Permohonan2 hendak-lah di-isikan dalam borang yang di-sediakan saperti di-bawah dan borang2 ini boleh di-dapati dari Guru2 Besar melalui Jabatan Pelajaran. Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada :—

Penerbit "Kap-Kap Udang",
Bahagian Talivishen Pendidekan,
Radio dan Talivishen Brunei,
Brunei

tidak lewat dari 14hb September, 1979.

---

### BORANG PERMOHONAN UNTOK MENJADI PENYAMPAI TALIVISHEN PENDIDEKAN

Kapada :

Penerbit "Kap-Kap Udang",
Bahagian Talivishen Pendidekan,
Radio dan Talivishen Brunei,
Brunei

Saya ingin memohon menjadi JURUACHARA TVP. Butir-butir mengenai diri saya ada-lah saperti berikut :—

Nama Penoh : ..................................................

Alamat Tetap : ..................................................

Alamat Persuratan : ..................................................

Talipon : .............................. (jika ada).

Umor : .............................. Tarikh Lahir : ..............................

Tinggi : ..............................

Warganegara : .............................. No. Kad Pengenalan : ..............................

Warna : ..............................

Kelulusan : ..................................................

..................................................

Masa Mengajar : .............................. Pagi/Petang.

Pengalaman : ..................................................

..................................................

Kebolehan2 lain : ..................................................

..................................................

Saya mengaku butir-butir di-atas ada-lah benar, saya bersedia bila-bila masa untok di-panggil untok ujian ka-Studio RTB.

Saya sertakan juga gambar berukoran poskad (4" x 6") saperti yang di-kehendaki.

Tanda Tangan : .............................. Tarikh : ..............................



KETUA Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Thelma T. Salazar ketika menyampaikan hadiah kapada salah sa-orang peserta kanak-kanak yang menyertai peraduan tersebut.

## Aktibiti Perpustakaan Kanak-kanak memberi pertumbohan besar masa depan kanak-kanak

# KANAK-KANAK PERLU BERJINAK DENGAN PERPUSTAKAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. —Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Mahmud bin Haji Bakyr mensifatkan bahawa pameran aktibiti perpustakaan kanak-kanak sa-bagai membawa pengertian yang sangat besar kapada pertumbohan masa depan kanak-kanak kita yang bakal memimpin masa depan negara.

Kerana itu, Awang Mahmud menegaskan bahawa, ada-lah perlu kanak-kanak di-beri galakan untok masok dan berjinak-jinak dengan buku2 dalam satu2 perpustakaan.

Awang Mahmud telah beruchap demikian ketika membuka rasmi Pameran Aktibiti Perpustakaan Kanak-kanak yang telah di-langsongkan di-Bilek Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini petang Sabtu, 16hb Ogos lepas.

Awang Mahmud menambah kata, kalau tidak dengan demikian tentu-nya segala kemudahan yang memakan belanja beribu-ribu ringgit bagi membiayai perpustakaan itu akan tinggal sa-bagai satu kerja yang sia2 tanpa menchapai matalamat-nya.

Bagaimana pun Awang Mahmud menegaskan lagi bahawa tujuan mengadakan aktibiti perpustakaan ia-lah untok menarek minat kanak-kanak kapada kerja2 luar sekolah demi untok mengembangkan daya kreatif mereka di-samping menjinakkan mereka masok ka-bilek perpustakaan.

Kata-nya lagi, ada-lah berfaedah kalau sa-benar-nya sabuah perpustakaan itu dapat digunakan oleh anak2 muda tetapi bukan-nya sa-mata-mata sabagai bilek pameran yang enak di-pandang sahaja.

"Saya perchaya usaha mengadakan aktibiti perpustakaan untok pembacha2 muda ada-lah satu langkah yang baik dan betul ka-arah menarek minat kanak-kanak untok masok ka-perpustakaan", jelas Awg Mahmud.

Awang Mahmud menambah lagi bahawa, kita sudah dapat di-katakan berjaya jikalau saorang kanak-kanak itu dapat di-ajak masok melangkahkan kaki-nya ka-bilek perpustakaan, apa-tah lagi jika kanak-kanak itu mahu membacha dan meminjam buku2 daripada mereka menghabiskan masa belangkur menguyung kikek.

Awang Mahmud seterus-nya menchatitkan penghargaan kapada ibu-bapa dan guru2 diatas galakan mereka kapada kanak-kanak untok ikut serta dalam kegiatan luar sekolah dimasa chuti penggal ini.

# PEMENANG2 PERADUAN MEWARNA KULIT MAJALAH DAN MELUKIS ILUSTRASI BUKU

BANDAR SERI BEGAWAN. —Majlis pembukaan rasmi Pameran Aktibiti Perpustakaan Kanak-kanak dan penyampaian hadiah2 kapada pemenang2 bagi Peraduan Mewarna Kulit Majalah dan Melukis Ilustrasi Kulit Buku telah di-adakan di-Bilek Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka di-ibu negeri pada hari Khamis 16hb Ogos yang lalu.

Majlis tersebut telah di-rasmikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Mahmud bin Haji Bakyr sementara penyampaian hadiah2 telah dilakukan oleh Dayang Thelma T. Salazar, Ketua Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Peraduan yang di-anjorkan oleh Perpustakaan Kanak-kanak Dewan Bahasa dan Pustaka itu telah di-sertai oleh sa-ramai 200 orang kanak-kanak dari seluroh negeri dan di-bahagikan kapada dua bahagian ia-itu bahagian A dan B.

Dalam bahagian A untok kanak-kanak yang berumor lima hingga tujoh tahun bagi peraduan mewarna kulit majalah perengkat sa-negeri, tempat pertama telah di-menangi oleh Awang Eddy Fadzlin bin Amdan dari Daerah Brunei-Muara, kedua di-menangi oleh Dayang Noraini bte Misbak dari Daerah Temburong dan ketiga jatoh kapada Awang Mohd Hilmy bin Ahmad dari Daerah Brunei-Muara.

Pemenang2 hadiah sagu hati dalam bahagian ini terdiri dari Dayang Norhaslinda bte Saidin, Dayang Halizah bte Karim, Dayang Susulnoor bte Halim dan Awang Abdullah bin Haji Abu Salam.

Sementara bagi perengkat Daerah Brunei-Muara, tempat pertama telah di-menangi oleh Awang Eddy Fadzlin bin Amdan, kedua Awang Mohd Hilmy Ahmad dan ketiga Dayang Norhaslinda bte Saidin.

Bagi perengkat Daerah Tutong pula tempat pertama disandang oleh Dayang Halizah bte Karim, kedua jatoh kapada Dayang Susalnoor bte Haji Suhailee dan ketiga Awang Muhammad Hizal Fakhry bin Halim.

Sementara bagi perengkat Daerah Temburong johan telah di-sandang oleh Dayang Noraini bte Misbak, kedua Awang Abdullah bin Haji Abu Salam dan ketiga Dayang Rubiah bte Misbak.

Sementara dalam bahagian B untok kanak2 berumor lapan hingga 12 tahun bagi Melukis Ilustrasi Kulit Buku perengkat sa-negeri, tempat pertama jatoh kapada peserta dari Daerah Brunei-Muara, Awang Sabirin bin Mohd Yusof, kedua di-menangi oleh Dayang Serima bte Sitom dari Daerah Temburong dan tempat ketiga di-menangi oleh Dayang Rossetta bte Minor Absah dari Daerah Belait.

Hadiah2 sagu hati dalam bahagian ini di-berikan kapada Awang Musa bin Mohiddin, Awang Sallehuddin bin Haji Suhailee, Ak Asmawi bin Pg Besar, Dayang Massittah bte Abas dan Dayang Normah bte Awang Sharbini.

Keputusan peraduan dalam bahagian ini bagi perengkat Daerah Brunei-Muara, johan telah di-sandang oleh Awang Mohd Sabirin bin Mohd Yusof, Kedua jatoh kapada Dayang Normah bte Awang Sharbini dan ketiga Dayang Fadziliwaty bte Mohiddin.

Bagi perengkat Daerah Belait dan Seria pula tempat pertama telah di-menangi oleh Dayang Rossetta bte Minor Absah, kedua Ak Asmawi bin Pg Besar dan tempat ketiga Dayang Hamimah bte Aspar.

Sementara bagi keputusan perengkat Daerah Tutong, tempat pertama di-menangi oleh Awang Musa bin Mohiddin, kedua jatoh kapada Awang Sallehuddin bin Haji Suhailee. Bagi perengkat Daerah Temburong pula mendudoki tempat pertama ia-lah Dayang Serima bte Sitom, tempat kedua jatoh kapada Dayang Massitah bte Abas dan ketiga di-menangi oleh Awang Dollah bin Sitai.

Turut hadhir di-majlis tersebut termasok-lah Pemangku Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Hj Ahmad bin Kadi dan ibu-bapa serta Ahli2 Jawatankuasa Peraduan.



BARISAN kanak-kanak yang berjaya memenangi hadiah dalam peraduan tersebut bergambar ramai berserta dengan hadiah2 kemenangan masing2.

# Hantar segera banchi perniagaan 1979

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Perangkaan Negara, Yunit Peranchang Ekonomi di-Jabatan Setiausaha Kerajaan dalam sa-buah kenyataan-nya minggu lepas meminta badan perniagaan yang belum memberikan sa-barang jawapan kapada Banchi Perusahaan Perusahaan Perniagaan tahun 1979 supaya berbuat demikian dengan segera. Pengkajian tersebut telah di-mulakan awal bulan Mei tahun ini oleh bahagian tersebut sabagai berkata, badan2 perniagaan yang mendapati sukar untok mengisikan borang2 yang telah di-berikan kapada mereka atau mereka yang ingin mendapatkan penerangan lanjut, boleh-lah menghubongi talipon numbor 22418 atau 24938.

Bahagian itu juga mengingatkan badan2 perniagaan yang berkenaan bahawa kegagalan mengembalikan borang2 tersebut dalam tempoh yang di-tentukan ada-lah menjadi satu kesalahan di-bawah Undang2 Perangkaan 1975 dan mereka yang thabit boleh di-denda tidak lebeh dari $1,000.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. JURURAWAT PERCHUBAAN :

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti-lah menchapai umor 18 tahun. Mereka mesti-lah lulus Tingkatan III Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai sijil yang menunjokkan salah satu matapelajaran-nya ia lulus dalam Bahasa Melayu, atau sekurang2-nya boleh bertutor dalam Bahasa Melayu dengan chekap. Pemohon2 juga mesti-lah lulus dalam matapelajaran Inggeris.

**Sukatan Gaji :**

Dalam Perchubaan: M 3 — $ 395-408-421-446-459-472-491-510-529-548-548-567-587. Gaji permulaan bergantong kapada kelulusan persekolahan.

Jururawat Terlateh: M4 EB5 — $650-682-714-778-810 / EB / 880-905 - 931 - 956 - 982 - 1007-1033.

**Sharat2 Lantekan :**

a) Pemohon2 yang terpileh akan menjalani latehan bagi mendapatkan Sijil Jururawat Terlateh di-Rumah Sakit Besar, Bandar Seri Begawan. Lazim-nya latehan ini memakan masa salama 3 tahun 4 bulan. Satelah memperolehi Sijil Jururawat Terlateh, pemohon2 ada-lah berhak ditetapkan sa-bagai Jururawat Terlateh di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kerajaan Brunei.

b) Pakaian seragam ada-lah di-beri perchuma dan tempat tinggal akan di-adakan. Jururawat2 Perchubaan akan menerima alaon dhobi dan alaon makan.

c) Jururawat dalam perchubaan mesti-lah bujang.

2. PENOLONG JURURAWAT :

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah bujang dan berumor 18 tahun ka-atas. Mereka mesti-lah lulus Tingkatan I Inggeris atau Darjah VI Melayu.

Penolong Jururawat : M 2 — $383-395-408-421-434-446-459 - 472-485-497-510-523-536-548 / EB/561-574-587-599-612-625.

**Elaon :**

Pakaian seragam akan di-beri perchuma. Tempat tinggal akan di-sediakan sa-masa dalam latehan. Selain dari itu alaon makan sa-banyak $60 sa-bulan di-bayar sa-masa dalam tempoh perchubaan.

**Tempoh Perchubaan :**

Tempoh perchubaan biasa-nya ia-lah sa-lama 2 tahun 4 bulan.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 4hb Oktober, 1979.

(E/669/65 Pt. 5 — Bil: 142/ 1979)

## TENDER NOTICE

**RETENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR BINTURAN RANGES**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Class 'A' or 'B' Contractors registered with Electrical Department up to 12.00 noon, 18th September 1979 (Tuesday).
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "RETENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR BINTURAN RANGES.
4. Tender documents may be obtained from the office of M/s Associated Consultants Private Limited, Chartered Engineers, Room 27-29, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan during normal office hours.
5. The Tender Deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei.

The Tender Deposit will not be refunded to the successful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project Vote.

The Tender Deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineers' office.

6. Prior to the issue of the tender documents, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' Contractor registered with Electrical Department.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Pegawai Pusat Pemelihara Ternakan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 sa-bagai Pegawai Pusat Pemeliharaan Ternakan di-Jabatan Pertanian, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 berumor 30-34 tahun hendak-lah mempunyai ijazah atau diploma lanjutan dalam bidang sains haiwan dan pertanian dan sekurang2-nya 7 tahun pengalaman dalam pengalaman dan perguruan binatang2 ternakan tropika. Mempunyai pengalaman dan/atau kelayakan dalam bidang pendidekan pertanian merupakan satu kelebehan.

Chalon2 yang berjaya akan bertanggong-jawab, di-bawah arahan Pengetua Pusat Latehan Pertanian Sinaut, bagi memajukan satu ranchangan pengajaran khas binatang2 ternakan di-perengkat sijil serta mengajar dan menilai kerja2 di-bilek darjah dan kerja2 praktikal diluar dalam semua aspek pengeluaran dan pengurusan binatang ternakan. Ia juga dikehendaki membantu dalam mengajar serta menilai aspek2 latehan di-bidang ternakan yang di-beri oleh Pusat Latehan ini kapada bakal petani2 muda dan juga kaki-tangan2 Jabatan yang menjalani latehan2 ulangkaji sa-chara latehan dalam perkhidmatan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji B2 EB5 —B$1645-1709-1772-1836-1900-1964-2027 - 2104 - 2180 - 2257 - 2333-2410 - 2486 - 2563 - 2639 - 2716 / EB / 2792 - 2869 - 2945-3022. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari ra'ayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 4hb Oktober, 1979.

(E/735/79 — Bil: 140/1979)

## RBMR 1ST FLOTILLA BASE, MUARA TENDER NOTICE

**PROPOSED MISCELLANEOUS ADDITIONS AND ALTERATIONS, PHASE 1A (RIVER SQUADRON COMPLEX, 30 METRE RANGE AND SURAU) FOR THE RBMR 1ST FLOTILLA BASE, MUARA BRUNEI**

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, Brunei from Registered Public Works Department Contractor Class "A" for the above mentioned works up to 12.00 noon, 25th September, 1979 (Tuesday).

Tender documents consisting of Quantities and $\frac{1}{8}$" scale working drawing can be obtained from the office of Ho Kwong Yew dan Anak2 Akitek2, Chartered Architects, 406, Bangunan Guru2 Melayu, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan, Brunei.

All other drawings are displaced and can be examined at the said office.

The tender deposit will be Brunei $500.00 in the form of a cheque and refundable to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and on return of deposit receipt. tender documents and drawings after the closing date, but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect's office before the closing date.

Prior to the issue of the tender documents each tenderer will be required to produce the original copy of the following:—

1) Documentary evidence that he is a P.W.D. registered class "A" Contractor
2) Documentary evidence that he has complied with the latest Government requirement in respect of Financial Guarantee; and
3) A letter from his Banker stating that in the event of his tender being accepted, the said Banker will furnish him with a Banker's guarantee (in the sum of approximately $1,000,000.00) in accordance with the condition of Contract.

Tenders must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Brunei, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 25th September, 1979 (Tuesday). Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope bearing no indication of the name of the Tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR THE PROPOSED MISCELLANEOUS ADDITIONS AND ALTERATIONS, PHASE 1A (RIVER SQUADRON COMPLEX, 30 METRE RANGE AND SURAU) FOR THE RBMR, 1ST FLOTILLA BASE, MUARA, BRUNEI.

Our client, the Government of Brunei, does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## DI-JABATAN PERTANIAN, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pertanian, Brunei.

1. PENJAGA ASRAMA : (Lelaki) — Pusat Latehan Pertanian Sinaut.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 hendak-lah mempunyai pelajaran menengah hingga ka-taraf Tingkatan V dan hendak-lah sa-baik2-nya mempunyai pengalaman dalam penyeliaan dan pengurusan asrama termasok pengalaman dalam hal2 masakan Melayu. Keutamaan akan di-berikan kapada mereka yang mempunyai pengetahuan Bahasa Inggeris dan yang lulus Sijil Persekolahan Cambridge atau yang sebanding dengan-nya.

**Umor :**

Antara 30 dan 45 tahun.

**Tugas2 :**

a) Pengawasan semua kaki-tangan asrama (termasok Penuntut2 Asrama, Tukang2 Masak dan Tukang2 Chuchi dan yang lain2).
b) Penyeliaan dalam hal2 pembelian dan pemereksaan barang2 pembekalan, penyeliaan menu dan permakanan.
c) Mengawas hal2 pemeliharaan bangunan asrama dan sekolah dan dapor asrama.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3 EB. 4-5 — B$625-657-689-720 - 752-784 /EB/854-880-905-931-956 - 982-1007-1046-1071-1097-1122.

2. JURU JENTERA TINGKAT KHAS :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 hendak-lah pandai membacha dan menulis dan mesti-lah mempunyai pengalaman sekurang2-nya dua tahun sa-bagai Juru Jentera Tingkat I sa-baik2-nya dalam pemeliharaan jentera2 pertanian. Pengetahuan2 dalam kerja2 patri dan sa-bagai-nya akan merupakan satu kelebehan.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya akan di-jangka untok bertanggong-jawab terhadap sa-bahagian daripada Bengkel Pertanian yang berkaitan dengan pembaikan2 injin moto-sangkut, mesin2 pemotong rumput dan jentera2 pam tali-ayer. Dia hendak-lah berkebolehan untok menyelanggarakan kerja2 membuka dan mengganti sa-chara lengkap (overhaul) bagi injin2 moto-sangkut.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 2 EB.3-4—$446-465-485-504-523-542-561/ EB /625-657-689-720-752 - 784-854-880-905-931-956-982-1007.

3. PEMEREKSA TANAMAN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Kelulusan Sijil Persekolahan Cambridge atau yang sebanding dengan-nya ada-lah di-kehendaki. Kelulusan yang baik dalam mata2 pelajaran sains akan merupakan satu kelebehan.

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB.3-4—$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542-561 /EB/625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982-1007. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 13hb Oktober, 1979.

(E/752/79 — Bil: 139/1979)

## SA-BAGAI KETUA PEMBANTU TEKNIK

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Ketua Pembantu Teknik yang berikut di-Jabatan Letrik, Brunei.

3. PEMBAHAGIAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mempunyai kelulusan H.N.D. dalam bidang kejuruteraan letrik atau kelulusan yang sebanding dengan-nya serta mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam bidang "11kV distribution" dan Low Tension Distribution."

ATAU

Mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman dalam sesuatu jawatan penyelia mengendalikan kerja2 "11kV distribution system, operation, construction and commissioning".

**Umor :**

Sekurang2-nya 35 tahun.

B. STESHEN TENAGA LETRIK :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mempunyai H.N.D. dalam bidang kejuruteraan letrik atau kelulusan yang sebanding dengan-nya serta mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam kerja2 Steshen Tenaga Letrik.

ATAU

Mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman dalam sesuatu jawatan penyelia (kerja sa-chara bergilir2) dalam kerja2 "operation" dan penyelenggaraan steshen tenaga letrik.

C. MERINYU :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mempunyai H.N.D. dalam bidang kejuruteraan letrik atau kelulusan yang sebanding dengan-nya dan mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam kerja2 pemborong letrik bagi projek2 perumahan, pejabat2 dan bangunan2 perusahaan.

**Umor :**

Sekurang2-nya 35 tahun.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C. 3-4 EB. 5 — $1479-1530-1581-1632-1683-1734 - 1785 - 1836 - 1887 - 1938 / EB / 1989 - 2040 - 2091 - 2142-2193. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji setelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari ra'ayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb Oktober, 1979.

(E/1173/77 — Bil : 135/1979)

## SA-BAGAI AHLI BOMBA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Ahli Bomba di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) Umor: Di-antara 18 hingga 28 tahun.
b) Tinggi : Sekurang2-nya 5' 4".
c) Pelajaran : Chalon2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang mempunyai kelulusan yang lebeh tinggi.
d) 'Am : Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu Kelas III dan sa-baik2-nya Kelas V dan mempunyai tuboh badan yang sehat.

**Latehan :**

Chalon2 yang berjaya di-kehendaki menjalani latehan asas sa-lama 6 bulan di-Brunei sekira-nya mereka menamatkan latehan ini dengan memuaskan, mereka mungkin akan di-hantar untok menjalani latehan lanjut di-seberang laut untok mendapatkan kelayakan dalam kerja2 menyelamat dan menchegah kebakaran kapal-terbang.

**Kerja Bergilir :**

Ahli yang bertugas pada masa itu dalam perkhidmatan Bomba L/Terbang ada-lah di-kehendaki kerja bergilir2 atau bila masa waktu bekerja yang perlu untok melichinkan perkhidmatan ini.

**Gaji :**

Rekrut — $325.00 sa-bulan. Elaun tambahan P sa-banyak $100.00. Sa-telah berkhidmat sa-lama enam bulan dengan memuaskan chalon2 tersebut akan di-lantek sa-bagai Ahli Bomba dengan gaji $425.00 sa-bulan dalam sukatan gaji P. 1 $425-431-438-444-450-456-463 - 469/ EB/475-481-494-500-506.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb Oktober, 1979.

(E/762/72 — Bil: 136/1979)

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received from Class A & B Contractor's by the Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei up to noon Tuesday 2nd October, 1979 for :—

ARMY WORK SERIA— PART I SERVICES.

2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders shall be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the Tenderer.
4. The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and endorsed as follows:

ARMY WORK SERIA— PART I SERVICES.

5. Tender Documents may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from Monday 19th September 1979 during normal working hours.
6. The tender deposit will be $500.00, refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.
7. Tenders shall be submitted on the approved form.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah DYMM ka-majlis persantapan tersebut di-sambut oleh barisan penuntut2 dan bekas penuntut2 UK, kelihatan Baginda sedang di-ziarahi oleh salah sa-orang penuntut perempuan.

## Demi kemerdekaan penoh lagi tulin:

# KINI PENUNTUT2 BRUNEI DI-UNITED KINGDOM HAMPIR SA-RIBU ORANG

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Tahun 1979, tahun pertama dari lima tahun ka-target kemerdekaan, merupakan tahun penghantaran penuntut2 Brunei ka-seberang laut yang teramai sa-kali.**

**Di-United Kingdom saja, jumlah penuntut2 Brunei yang menuntut di-berbagai pusat pengajian di-sana kini telah meningkat jumlah-nya hampir2 sa-ribu orang.**

Berlaku-nya perkembangan pesat di-bidang ini ada-lah bagi keperluan2 pada membanyakkan lagi tenaga2 yang terlateh, yang berkelulusan, yang mahir serta berpengalaman baik, dalam menuju ka-arah kemerdekaan penoh lagi tulin.

Demikian menurut Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dalam uchapan membuka rasmi kursus sivik penuntut2 seberang laut kali ke-IV yang berlangsong di-Pusat Belia di-sini pada hari Ahad lepas.

Kursus yang akan berakhir pada hari Jumaat ini ada-lah berthemakan "penuntut yang berilmu dan beriman pemimpin hari esok" dan lebeh dari 100 orang penuntut dari United Kingdom dan Mesir telah menyertai-nya.

Perkembangan ini, menurut Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan lagi, ada-lah satu kenyataan dari dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untok terus-menerus membanyakkan penghantaran penuntut2 ka-seberang laut sama ada melalui dermasiswa biasa mahupun dermasiswa latehan dalam perkhidmatan.

Mengenai dengan kemudahan2 untok kesentosaan dan kesejahteraan penuntut2 itu di-seberang laut, mithal-nya di-United Kingdom, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan menjelaskan tentang usaha2 yang giat di-lakukan dan pertimbangan2 yang di-buat bagi membisaikan lagi perkhidmatan-nya.

Antara usaha yang di-laksanakan itu termasok-lah menempatkan pegawai2 kanan Kerajaan untok di-tugaskan di-Pejabat Wakil Kerajaan Brunei di-London. Pegawai2 itu ia-lah Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Daud yang akan bertugas sa-bagai pengapit dan pembantu wakil Kerajaan Brunei di-sana dan Awang Ahmad Sa'at sa-orang jurukira yang mahir lagi berpengalaman.

Bagi keperluan2 bimbingan keugamaan, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan juga mengumomkan bahawa sa-orang guru ugama tempatan ia-itu Awang Haji Zainal bin Kahar akan di-hantar berkhidmat di-Rumah Brunei di-London.

Sa-lain dari itu, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan telah juga menimbulkan di-antara perkara2 kemudahan yang di-beri keutamaan itu termasok-lah mengadakan hostel yang bermutu tinggi dan pertimbangan2 elaon2 yang di-kurniakan dari satu masa ka-satu masa.

Dari pemedulian yang di-lakukan itu, kata-nya, apa yang kita di-negeri ini harap dan idamkan ia-lah tidak lain dan tidak lebeh dari kejayaan pengajian yang chemerlang dari penuntut2 itu.

Menimbulkan mengenai dengan kemajuan pengajian penuntut2 Brunei itu dari keputusan tahun yang sudah2, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan bershukor serta menguchapkan tahniah kapada semua yang telah menchapai kejayaan.

Bagaimanapun, kata-nya, peratus keputusan itu maseh jauh dari apa yang di-harap-harapkan, maseh nampak tikas-nya di-antara bilangan penuntut2 yang di-hantar dengan bilangan yang balek dengan kelulusan yang di-hajatkan.

Sa-lain dari mengingatkan penuntut2 itu supaya mengutamakan pelajaran, Yang Berhormat itu juga menarek perhatian tentang soal pemilehan kursus dengan mengingatkan mereka supaya bersedia menchurahkan jasa kapada keperluan negara dari kechenderongan peribadi dan sa-umpama-nya.

"Biar-lah ilmu pengetahuan yang di-tuntut itu, sa-chara langsong akan dapat menambah tenaga yang bersama-sama berkechimpong pada menentukan chorak hidup kita hari ini dan pada menyediakan lurah untok kehidupan generasi2 kita yang akan datang", demikian Setia Usaha Kerajaan mengharapkan.

Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan menegaskan, pemberian dermasiswa Kerajaan termasok penukaran2 kursus, sa-jauh yang dapat di-perkirakan akan di-asaskan kapada keperluan2 negara yang sa-benar-nya.

Mengingatkan penuntut2 itu kapada perkara2 yang lain, Yang Berhormat itu menumpukan perhatian kapada soal2 keimanan yang menurut-nya merupakan satu perkara yang sangat berkurangan di-dunia moden zaman ini.

Berhubong dengan perkara ini, Setia Usaha Kerajaan mengenengahkan ism2 chiptan manusia yang menurut-nya tidak mungkin pupus dan jauh sa-kali dari rapus dan genap.

Yang Berhormat itu berpendapat bahawa pertemporan2 di-Indo-China, pertikaian2 di-Timor Tengah, pergolakan2 di-Eropah dan Amerika, persengkitaan2 di-Benua Afrika, semua-nya pada asas-nya menunjokkan dan memboktikan kelemahan2 segala ism2 chiptaan manusia saperti sosialism yang bermacham chorak, demokrasi yang beraneka warna dan komunism ala tipu muslihat-kerana sa-barang chiptaan manusia itu ada saja retak-nya, tidak mungkin pupus dan jauh sa-kali dari rapus dan genap.

Maka dengan sebab itu, kata-nya ada-lah wajib bagi kita balek pada pangkal ia-itu chorak hidup chiptaan Allah s.w.t , istimewa pada menghadapi kemerdekaan penoh lagi tulin bagi negeri kita Brunei Darussalam ini. Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan menekankan bahawa dalam Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap ini-lah terjamin perpaduan, keharmonian, kebahagiaan, kemakmoran dan kesetabilan negara dan raayat negeri ini.

"Apa2 jua chorak yang kurang dari Islam atau yang terkeluar dari garis2 hukum Allah Subhanahu-wata'ala, hanya akan menghasilkan kehinaan bangsa, perpechahan dan kekechewaan serta kekaburan negara" tegas-nya.

Dari itu, kata-nya, untok menuju ka-arah chorak yang suchi itu, kita mementingkan hasil2 sains dan teknoloji, management yang terator, susunan sosio-politik yang setabil serta peranchang ekonomi yang halal.

# PENUNTUT2 DI-SERU SUPAYA MENERIMA DAKWAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penuntut2 terutama mereka yang belajar di-seberang laut telah di-seru supaya menerima dakwah bagi melengkapkan diri mereka sa-bagai orang berilmu yang beriman yang akan menjadi sandaran negara di-masa depan.

Beruchap di-majlis pembukaan rasmi Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut kali ke-empat yang telah di-langsongkan di-Pusat Belia di-sini petang Ahad 2hb September yang baru, Ketua Pegawai Penerangan, Awg Hj Badaruddin bin Pengarah Hj Othman sa-terus-nya mengingatkan, bahawa penuntut2 berkenaan ada-lah mudah terdedah kapada pengaroh2 asing.

Bagaimana pun, tambah Awg Hj Badaruddin, hal itu terpulang-lah kapada mereka untok memileh dan menentukan pengaroh yang bagaimana yang patut di-terima dan yang mana pula mesti di-tolak.

Sebab itu-lah menurut beliau, kerajaan melalui kursus2 sa-umpama itu berusaha bagi mengikhtiarkan menarek pelajar2 khusus-nya yang belajar di-luar negeri supaya bersikap tegoh dalam menentukan diri mereka tidak akan tenggelam dalam pengaroh asing itu.

Ketua Pegawai Penerangan itu sa-terus-nya mengingatkan, betapa perlu-nya penuntut2 berkenaan untok sentiasa menaroh minat kapada mana2 yang telah menjadi 'National Pride' negara-nya.

Dalam hubongan ini "keimanan kapada Allah ada-lah suatu fenomena di-negeri ini yang telah di-terima sa-bagai 'National Pride' itu yang patut mereka banggakan dan hayati sa-bagai landasan bertolak bagi sa-tiap perkara". jelas Ketua Pegawai Penerangan.

Kerajaan, tambah Awang Hj Badaruddin, dalam mengadakan kursus sa-umpama itu ada-lah juga bertujuan untok membimbing penuntut2 bagi mengetahui, memahami dan kemudian sama2 menghayati aspirasi negara yang menaroh banyak harapan masa depan-nya kapada tenaga2 terpelajar.

Untok meresapkan bimbingan itu kata-nya lagi beberapa achara telah di-susun sa-mata2 bagi memberikan fahaman yang betul di-samping meninggikan kesedaran mereka mengenai hal ehwal sa-masa sekitar negeri dan kerajaan.

"Bagi mendekati penchapaian tujuan itu sengaja di-buat penekanan terhadap pembentokan sikap berilmu serta beriman dalam sa-panjang achara kursus ini", jelas Awg Hj Badaruddin.

Dalam kursus yang di-sertai oleh penuntut2 yang belajar di-United Kingdom dan Mesir berthema 'PENUNTUT YANG BERILMU DAN BERIMAN PEMIMPIN HARI ESOK' itu para peserta akan berkesempatan mengikuti berbagai atorchara kursus antara-nya termasok cheramah dari pegawai2 kanan kerajaan, lawatan2, bimbingan menghalusi sembahyang dan forum.

Kursus tersebut di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan dengan kerjasama dari Jabatan Pelajaran dan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan telah di-rasmikan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Hj Abdul Aziz.

Dari muka 1

dan teknoloji yang sesuai dengan Ugama Islam dan sa-balek-nya banyak pula yang berchanggah dengan chara hidup kita di-negeri ini", titah Baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah berangkat ka-majlis tersebut berserta lain2 Kerabat Diraja di-Dewan Persantapan, Dewan Majlis di-sini malam Ahad, 2hb September yang baru lalu juga telah melahirkan kegembiraan Baginda bahawa bilangan penuntut2 yang di-hantar keluar negeri sa-makin bertambah.

Ini titah Baginda, sa-bagai memboktikan kemahuan serta kebolehan anak negeri ini untok memasoki badan2 pengajian tinggi seberang laut saperti di-United Kingdom.

"Begitu juga bilangan anak2 Brunei yang telah mendapat kelulusan dalam berjenis-jenis bidang pengajian tinggi termasok bidang2 profeshenal ada-lah bertambah sa-tiap tahun yang mana mereka ini akan dapat serba sedikit menampong keperluan2 negeri ini dari segi tenaga manusia yang berpengetahuan", titah Baginda.



YB Setia Usaha Kerajaan berbual mesra dengan salah sa-orang peserta kursus sa-telah selesai upachara perasmian di-Pusat Belia petang Ahad lepas.